

11 JUN 2001

Dzaiddin-Identiti

TERPULANG KEPADA HAKIM UNTUK DEDAH NAMA PEMANGGIL, KATA DZAIDDIN

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Ketua Hakim Negara Tan Sri Mohamed Dzaiddin Haji Abdullah hari ini berkata, terpulang kepada Hakim Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu Datuk Muhammad Kamil Awang untuk mendedahkan identiti orang yang didakwa menelefon beliau memintanya membatalkan petisyen pilihan raya Likas.

"Terpulang kepada beliau (Muhamad Kamil) sama ada mahu menyatakan identiti pemanggil," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Mohamed Dzaiddin berkata ulasan Muhammad Kamil bukan sahaja "dakwaan serius" tetapi juga sebahagian daripada penghakimannya.

"Ia bukan amalan atau dasar kehakiman bagi Ketua Hakim Negara masuk campur dengan memberi arahan kepada hakim-hakim dalam memutuskan kes mereka atau dalam menulis penghakiman mereka," kata Mohamed Dzaiddin dalam kenyataan satu muka surat yang diedarkan kepada pemberita di kamarnya di bangunan Mahkamah Persekutuan di Jalan Raja, di sini.

Muhammad Kamil membuat ulasan itu dalam penghakiman beliau terhadap dua petisyen pilihan raya pada Jumaat lepas berhubung keputusan pilihan raya negeri 1999 bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Likas yang dimenangi oleh bekas ketua Menteri Sabah Datuk Yong Teck Lee.

Hakim itu mengisytiharkan pemilihan Yong dalam pilihan raya negeri 13 Mac, 1999 sebagai terbatal dan tidak sah kerana pengundi yang tidak wujud turut mengundi.

Dalam penghakimannya, Muhammad Kamil antara lain dipetik berkata: "Pada pandangan saya ia merupakan satu penghinaan kepada kebijaksanaan seseorang untuk diarah melalui telefon supaya petisyen itu dibatalkan tanpa perbicaraan".

Mohamed Dzaiddin berkata beliau telah membaca penghakiman Muhammad Kamil.

"Ulasan Muhammad Kamil dalam penghakimannya bahawa beliau telah diberi arahan melalui telefon oleh orang tertentu merupakan dakwaan serius," katanya.

Semalam, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim meminta Muhammad Kamil mendedahkan nama orang yang mengarahkan beliau membatalkan petisyen pilihan raya negeri kawasan Likas.

"Beliau tidak boleh sekadar berkata yang beliau menerima satu panggilan melalui telefon. Dia seorang sahaja tahu siapa pemanggilnya," Rais dipetik berkata demikian kepada pemberita di Kangar.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga diminta oleh pemberita semalam mengenai ulasan Muhammad Kamil dipetik sebagai berkata adalah sukar bagi kerajaan untuk masuk campur dalam isu badan kehakiman kerana ia sebuah badan bebas dalam sistem pentadbiran negara.

Dr Mahathir berkata, jika kerajaan masuk campur dalam hal itu ia akan dianggap sebagai campurtangan kerajaan dalam badan kehakiman.

-- BERNAMA

SBB ES PR